


Jawab **dua** soalan, satu daripada **Bahagian A** dan satu daripada **Bahagian B**.

BAHAGIAN A (20 markah)

Arahan: Tulis e-mel yang panjangnya tidak kurang daripada 100 patah perkataan berdasarkan **satu** daripada soalan-soalan berikut.

1. Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada seorang rakan. Baca e-mel itu dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.



2. Baca informasi yang berikut. Berdasarkan butiran yang diberikan, tulis e-mel yang sesuai.

Baru-baru ini, semasa kamu dan keluarga kamu meluangkan masa di Taman Tema Universal Studio, berlaku sebuah kejadian yang kurang disenangi. Kejadian tersebut membuat kamu sekeluarga berasa hampa dan marah. Seorang kakitangan telah memberi kamu perkhidmatan yang kurang memuaskan dan menunjukkan sikap yang kurang baik kepada pelanggannya. Di samping itu, masa menunggu bermain permainan tema itu sungguh lama.

Tulis e-mel kepada pengurus Taman Tema Universal Studio tersebut untuk membuat aduan tentang kejadian tersebut. Ceritakan juga bagaimana layanan kakitangan yang kurang memuaskan menjejaskan keseronokan kamu sekeluarga. Dalam e-mel kamu, nyatakan betapa pentingnya memberikan perkhidmatan yang baik serta sikap yang positif kepada pelanggan demi menggalakkan lebih ramai pengunjung ke taman tema tersebut.

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim: nur_cahaya@warkah.com

Alamat penerima: universal studios@gmail .com

BAHAGIAN B (40 markah)

ARAHAN: Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 240 patah perkataan mengenai **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini.

3. Baru-baru ini, kamu telah menyaksikan seorang remaja membantu seseorang yang kurang upaya. Kamu rasa amat tersentuh dengan tindakan mulia remaja tersebut. Gambarkan kejadian tersebut dan perasaan kamu.
4. Cara-cara memupuk minat para pelajar terhadap kerja-kerja kemasyarakatan.
5. Tulis sebuah peristiwa tentang peri pentingnya menerima teguran secara baik.
6. Tuliskan sebuah cerita yang **bermula** dengan ayat berikut:
"Aku benar-benar tidak melakukannya. Mengapakah mereka masih tidak mempercayaku? Aku sedar yang aku pernah menjadi seorang penjenayah dahulu tetapi...."

SELESAI

ARAHAN : Jawab dua soalan; satu daripada **Bahagian A** dan satu lagi daripada **Bahagian B**.

BAHAGIAN A (20 markah)

Arahan : Tulis e-mel yang panjangnya tidak kurang daripada 120 patah perkataan berdasarkan **satu** daripada soalan-soalan yang berikut.

1 Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada seorang rakan. Baca e-mel itu dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.

Kepada: wardina @hotmail.com
Daripada: sulastris @gmail.com
Subjek: Program Cintai Bahasa Melayu

Apa khabar, Wardina? Saya minta maaf kerana sudah lama saya tidak hantar e-mel kepada awak. Maklumlah, semester 2 ini saya semakin sibuk dengan persiapan Program Cintai Bahasa Melayu yang akan berlangsung pada bulan Oktober ini sebagai satu aktiviti selepas peperiksaan akhir tahun.

Sebagai salah seorang ketua Kelab Budaya, saya dikehendaki melaksanakan beberapa aktiviti bagi Program Cintai Bahasa Melayu bagi kohort menengah tiga di sekolah saya agar mereka lebih mencintai dan menggunakan Bahasa Melayu dengan lebih efektif dan meluas. Namun saya kurang pasti mengenai program tersebut.

Saya telah dimaklumkan bahawa awak pernah menjalankan program yang serupa di sekolah awak. Dengar-dengar, awak telah dapat meraih banyak faedah dan pengalaman melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan sempena Bulan Bahasa tahun lalu. Bolehkah awak berkongsi pengalaman dan kepakaran awak dalam melaksanakan program tersebut? Apakah yang dapat diraih oleh para pelajar menengah tiga daripada program tersebut dan bagaimanakah ia memberi manfaat kepada awak?

Saya harap dengan perkongsian awak itu nanti, saya dan para pelajar akan dapat menggunakan Bahasa Melayu dengan lebih baik dan meraih banyak faedah dalam membuat aktiviti-aktiviti tersebut.

Semoga awak tidak keberatan untuk berkongsi dengan saya. Saya menantikan jawapan daripada awak.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,
Sulastris

2 Baca informasi yang berikut. Berdasarkan butiran yang diberikan, tuliskan e-mel yang sesuai.

Baru-baru ini, semasa kamu dan keluarga kamu menghabiskan masa di Taman Tema Universal Studio, terdapat beberapa insiden yang kurang memuaskan. Insiden tersebut membuat kamu sekeluarga berasa hampa dan marah. Insiden-insiden seperti masa menunggu bermain permainan tema itu sungguh lama, seorang kakitangan telah memberi kamu perkhidmatan yang kurang memuaskan dan menunjukkan sikap yang kurang baik kepada pelanggannya.

Tulis e-mel kepada pengurus Tema Universal Studio tersebut untuk membuat aduan tentang insiden tersebut dan juga layanan kakitangan yang kurang memuaskan dan sikap negatif pelayan itu. Dalam e-mel kamu, nyatakan betapa pentingnya memberikan perkhidmatan yang baik serta sikap yang positif kepada pelanggan demi meraih keuntungan.

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim: nur_cahaya@warkah.com

Alamat penerima: universal studios@gmail .com

BAHAGIAN B (40 markah)

ARAHAN : Tulis sebuah karangan dengan menggunakan sekurang-kurangnya 240 patah perkataan mengenai **satu** daripada tajuk-tajuk berikut.

3. Baru-baru ini, kamu telah menyaksikan seorang remaja membantu seseorang yang kurang upaya. Kamu rasa amat tersentuh dengan sifat serta tindakan mulia remaja tersebut. Terangkan kejadian tersebut dan bagaimana ia merubah nilai hidup kamu.
4. Cara-cara mendorong para pelajar minat membuat kerja-kerja kemasyarakatan.
5. Tulis sebuah peristiwa tentang peri pentingnya menerima teguran.

SELESAI